

KERTAS KONSEP RINGKAS
CADANGAN SLOGAN NEGERI MELAKA
“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

1.0 Latar Belakang

Ketika mengambil alih tampuk kepimpinan, **Yang Amat Berhormat Datuk Sulaiman bin Md Ali**, telah mengangkat sumpah sebagai **Ketua Menteri Melaka pada 9 Mac 2020**, yang mewakili Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka, telah berdepan dengan sekurang-kurangnya tiga cabaran besar iaitu **Politik, Kesihatan dan Ekonomi**. Dampaknya, ketiga-tiga isu ini memberi impak kepada kehidupan rakyat negeri Melaka sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Justeru, Kerajaan negeri Melaka memerlukan slogan yang mantap dan kukuh, yang benar-benar dapat dihayati serta menyentuh denyut nadi dan dekat di hati rakyat, demi kemajuan dan kemakmuran negeri tercinta ini.

Apatah lagi, negeri Melaka sememangnya tanah bertuah dan bumi penuh bersejarah. Sejak dahulu lagi, kegemilangannya sudah tercatat di pelbagai lembaran sejarah selain tersohor megah, mendapat pujian, dan pengiktirafan di serata dunia.

Antaranya;

- i) Tome Pires (1994) seorang penulis berbangsa Portugis pernah mengungkapkan dalam bukunya *The Suma Oriental* telah menulis tentang kekagumannya kepada Melaka seperti berikut:

“No trading port as large as Malacca is known nor anywhere, they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance, and of so much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position but must always grow’.”

- ii) Kehebatan empayar Kesultanan Melayu Melaka yang menjadi tempat pertemuan para pedagang dari seluruh dunia, telah terbukti dan diakui sehingga digelar sebagai **“The Venice of The East”**.
- iii) Menurut J. Kennedy (1993) daripada Universiti Liverpool menulis dalam bukunya *History of Malaya* menyatakan bahawa, sejarah Malaysia sebenar-benarnya bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka lebih lima abad yang lalu. Walaupun terdapat bukti-bukti nyata wujudnya beberapa kerajaan kecil sebelum itu, namun keagungan sejarah Empayar Kesultanan Melayu Melakalah yang menjadi pencetus kepada kebangkitan negara Malaysia di arena antarabangsa.

- iv) Muhammad Yusoff Hashim (1990) seorang pakar sejarah negara dalam bukunya Kesultanan Melayu Melaka pula menyatakan, Kesultanan Melayu Melaka merupakan permulaan suatu tradisi yang menjadi dasar pembentukan budaya politik Melayu. Hatta diterangkan kesultanan-kesultanan yang wujud di Malaysia sekarang ini mengakui adanya hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan kerajaan tua itu. Melaluinya juga kita dapat lihat suatu paduan dan disiplin ilmu yang kukuh serta sinonim yang cukup padu di antara sejarah Malaysia dan Kerajaan Melayu Tua itu.

- v) Oleh itu, sejarah Kesultanan Melayu Melaka harus diberi kehidupan dan dijelmakan dalam bentuk paradigma baru yang lebih konkrit, menarik, selesa dan kontemporari. Ia tidak hanya dilihat dari sudut ilmiah semata-mata. Ia juga tidak harus dilihat sebagai statik, kaku dan beku bentuknya kerana keagungan empayar silam inilah yang berjaya mencetuskan satu kebangkitan baru yang gilang-gemilang dan menjadi kebanggaan masyarakat Melaka, Malaysia dan Nusantara. Tanpa kerajaan tua silam ini tidak siapapun yang ‘cakna’ tentang kewujudan salasilah tamadun negara kita. (Sabri Mohamad Sharif: 2009)

Melaka juga telah menerima pengiktirafan sebagai Bandaraya Warisan Dunia sejak **7 Julai 2008** oleh **World Heritage Committee** (UNESCO) di **Persidangan ke-32 di Quebec, Kanada** dan pengisytiharan **“Melaka Maju”** oleh Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2010.

Malah, Melaka juga merupakan salah sebuah negeri yang diiktiraf oleh **Organization for Economic Cooperation & Development** (OECD) sebagai negeri maju selepas memenuhi lima aspek penting iaitu ekonomi, sosial, infrastruktur, alam sekitar dan pentadbiran.

2.0 Slogan Terdahulu Negeri Melaka

Gagasan Negeri Melaka telah diterjemahkan dalam bentuk slogan mengikut gaya kepimpinan setiap Ketua Menteri Melaka sebelum ini. Antara slogan-slogan terdahulu adalah seperti berikut:

i) Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik (1982-1994)
"Semuanya Bermula di Melaka"

ii) Datuk Seri Mohd Zin bin Abdul Ghani (1994-1997)
"Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya"

iii) Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin (1997-1999)
"Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya"

iv) Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (1999-2013)-(Kini Tun)
"Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia"
"Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau"

v) Datuk Seri Utama Ir. Ts. Idris bin Haron (2013-2018)
"Don't Mess With Melaka"
"Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau"
Melaka 754 Tahun, Melaka Maju Fasa II, Berkat, Tepat, Cepat".

vi) Tuan Hj. Adly bin Zahari (2018-2020) (Mac 2020)
"Melaka Berwibawa. Pintar. Hijau. Bersih"

3.0 Cadangan Slogan Baharu Negeri Melaka (Jun 2020-sekarang)

**"MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA"**

4.0 Justifikasi dan Hujah Kepada Slogan Baharu "Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia"

4.1 Melakaku

4.1.1 **"Melakaku"** menzahirkan rasa *sense of belonging*, yakni perasaan kepunyaan atau memiliki. Ini bermaksud negeri Melaka dimiliki oleh kita bersama, amanah dan tanggungjawab memaju serta memakmurkannya dipikul bersama oleh seluruh rakyat Melaka.

4.1.2 Ia bertujuan untuk membangkitkan roh dan semangat kekitaan, cita-cita, hasrat serta tekad murni dalam kalangan rakyat negeri Melaka yang berbilang agama, bangsa dan budaya agar hidup saling bersatu padu, tolong menolong dalam mengejar kemajuan.

4.1.3 Ia juga bagi menyemat di hati sanubari setiap rakyat di negeri bahawa, Melaka ini milik kita bersama yang kini diterajui di bawah panji Kerajaan Perikatan Nasional.

4.2 Maju Jaya

4.2.1 “**Maju Jaya**” menurut kamus Dewan *online* bermaksud bergerak mara, melangkah ke hadapan kepada yang lebih cemerlang, berjaya, berhasil, kemajuan dan kemenangan menuju ke puncak.

4.2.2 Berkesinambungan maju dari zaman Ketua Menteri Melaka Ke-9, Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang kini bergelar Tun, telah mencapai status negeri maju pada tahun 2010.

4.3 Melakaku Maju Jaya

4.3.1 “**Melakaku Maju Jaya**” bermaksud menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri terus kekal maju, makmur, lebih berjaya, berdaya saing, makmur, seimbang, mencapai “**Al-Falah**”, iaitu kejayaan *par excellence*, yakni mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi, di bawah keberkatan Ilahi.

4.3.2 Ia merupakan sebuah negeri yang mempunyai kekuatan dan berjati diri dengan berpandukan konsep *vertical approach (Hablumminallah)* (Ketuhanan-hubungan dengan Maha Pencipta yakni Allah) dan *horizontal approach (Hablumminannas)* (hubungan atau keterikatan sesama manusia dan alam sekitar), selain mempunyai sifat ihsan.

4.3.3 Ia juga adalah sebuah Kerajaan Negeri mempunyai kesemua ramuan kejayaan, seperti efisien, cepat bertindak dalam memenuhi kesemua KPI yang disasarkan dan produktiviti tinggi, mencapai kecemerlangan dalam segenap sudut, sama ada dari aspek kestabilan politik, kemajuan ekonomi, peluang pekerjaan, pendidikan, sosio-budaya, kutipan hasil Kerajaan Negeri, kemajuan industri, pelaburan domestik dan luar negeri serta limpahan kedatangan pelancong.

4.3.4 “**Melakaku Maju Jaya**” juga merupakan sebuah Kerajaan yang kontemporari, futuristik, yang responsif dan sentiasa bersedia dengan perubahan serta kemajuan teknologi dunia, khususnya dalam Teknologi Hijau dan industri tenaga baharu (*new energy) city state and smart state*, untuk mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Ekonomi Digital (*digital economy*) serta masyarakat 5.0 (*society 5.0*).

4.3.5 **Melakaku Maju Jaya** turut menekankan aspek nilai, akhlak dan kerohanian, selaras dengan apa yang telah terungkap dalam perenggan akhir lagu rasmi negeri Melaka, “**jujur berkhidmat setiap masa, Melaka Maju Jaya**”.

4.3.6 **Melakaku Maju Jaya** juga dan bertunjangkan kepada apa yang disebut dalam Al-Quran dalam **surah As-Saba' ayat 15**, mengisahkan tentang keagungan dan kegemilangan tamadun negara Saba' yang disebut sebagai "**Baldatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur**", yakni "**negara/negeri makmur Tuhan berkati**".

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلٌّ مِنْ
رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!.

(As-Saba' 34:15).

4.4 **Rakyat Bahagia**

4.4.1 "**Rakyat Bahagia**" bermula daripada usaha merakyatkan Kerajaan Negeri bagi menjadikan sebuah Kerajaan negeri yang berjiwa rakyat, iaitu sentiasa prihatin dengan nasib rakyat, mendengar keluhan dan merasai denyut nadi rakyat, khususnya rakyat B40, menjaga serta memperjuangkan kebajikan mereka supaya rakyat dapat hidup bahagia.

4.4.2 Jika disemak slogan Kerajaan Negeri Melaka sebelum ini, yang sudah pun silih berganti pemimpin sebanyak 6 kali, sejak era kepimpinan Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik sehinggalah ke Tuan Haji Adly bin Zahari, tidak pernah sekalipun disebut perkataan "rakyat" di dalam slogannya.

4.4.3 Meletakkan perkataan "**rakyat**" merupakan suatu langkah dan tindakan besar dalam **mengangkat martabat rakyat yang berbilang kaum dan agama terdiri daripada Melayu, Cina, India, Baba Nyonya, Portugis, Chetti, Sikh**, selain menandakan keprihatinan dan dekatnya hubungan Kerajaan Melaka masa kini terhadap rakyat di negeri ini.

4.4.4 "**Rakyat bahagia**", selain terkandung di dalamnya rakyat yang sejahtera dan sentosa hidupnya, adalah rakyat yang benar-benar mencapai kemajuan dan keseimbangan hidup serta

hasanah yakni kegembiraan, kebaikan dan kebahagiaan di antara duniawi dan ukhrawi sebagaimana yang disebut melalui firman Allah SWT dalam **surah Al-Baqarah ayat 201**.

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

“Dan di antara mereka ada orang yang berdoa, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari siksa api neraka” (Al-Baqarah, 2: 201).

4.4.5 Diperkukuhkan lagi dengan indeks Kebahagiaan, dengan laporan terkini oleh Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLAN Malaysia iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Desa, telah merekodkan bahawa, berdasarkan kajian dan mekanisma yang digunakan, 2 bandar di Melaka telah tersenarai dalam 10 Bandar Paling Bahagia Di Malaysia bagi tahun 2019:

1. **Bandar Melaka**
2. Kuala Terengganu
3. Seremban
4. Kulai
5. Taiping
6. Kuantan
7. Bentong
8. **Jasin**
9. Yan
10. Jeli

4.4.6 MURNInets adalah sistem yang digunakan bagi mengukur kemampuan kawasan PBT di negara ini di bawah seliaan PLANMalaysia. Indeks kebahagiaan merupakan pengukuran umum terhadap tahap kesejahteraan penduduk lebih menyeluruh merangkumi aspek-aspek berkaitan persekitaran, penempatan, kesihatan dan kesejahteraan mental dan fizikal.

4.4.7 Indeks Kebahagiaan juga merupakan satu daripada indikator dalam MURNInets yang dinilai melalui borang soal selidik kepada penduduk yang merangkumi 14 aspek utama iaitu :

- I. Tahap Kehidupan

- II. Kesihatan
- III. Keselamatan Kawasan Kediaman
- IV. Kemudahan Awam
- V. Infrastruktur Asas Yang Disediakan
- VI. Kebahagiaan Bersama Keluarga Dan Saudara-Mara
- VII. Keseronokan Bekerja
- VIII. Pengurusan Kewangan
- IX. Hubungan Dengan Jiran
- X. Aktiviti Bersama Komuniti
- XI. Infrastruktur Asas Yang Disediakan
- XII. Perkhidmatan PBT
- XIII. Pemimpin Tempatan
- XIV. Kualiti Alam Sekitar

4.5 Menggamit Dunia

4.5.1 **“Menggamit Dunia”** bermaksud **“memanggil”, “mencuit”, “menarik”**, perhatian dunia khususnya dalam kalangan para pelancong atau pengunjung, sama ada domestik mahupun antarabangsa, untuk berkunjung, bercuti dan memperuntukkan masa cuti mereka, datang ke negeri Melaka bagi menikmati pelbagai produk pelancongan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, dari yang bersifat warisan dan peninggalan sejarah sehinggalah kepada produk pelancongan yang bersifat moden.

4.5.2 Ia juga turut bermaksud usaha menarik para pelabur untuk menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan yang menarik, bagi mereka melabur di negeri Melaka dalam pelbagai sektor antaranya industri dan perkilangan.

4.5.3 **“Menggamit dunia”** turut bermaksud mempergiatkan lagi usaha untuk menjadikan Melaka sebagai pusat destinasi pelancongan termasyhuran yang gah, terkenal lagi tersohor di serata dunia, yang kaya dengan keunikan budaya, warisan, nilai sejarah dan panorama indah sekelilingnya, serta selamat dan selesa yang mampu menarik para pengunjung dari seantero dunia untuk datang ke Melaka.

4.5.4 Meskipun kini, negara kita dan negeri ini malah seluruh dunia sedang berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19, tetapi usaha menarik para pelancong dan pelabur khususnya dari antarabangsa untuk melihat keindahan, keunikan dan kehebatan produk pelancongan di negeri Melaka, tetap boleh dilakukan secara digital dengan menggunakan pelbagai platform seperti media sosial serta sebagainya.

4.5.5 Slogan dan cogan kata “**menggamit dunia**” juga seharusnya dipilih sebagai pengiktirafan kepada tradisi maritim Melaka yang merupakan pusat perdagangan dan perkapalan yang masyhur pada suatu masa dahulu. Usaha ini juga mampu diterjemahkan dengan mengembalikan semula kegemilangan tersebut antaranya melalui pembinaan infrastruktur bagi menjadikan negeri Melaka sebagai pusat pelabuhan persinggahan kapal-kapal dari seluruh dunia yang sering melalui Selat paling sibuk di dunia iaitu Selat Melaka.

4.5.6 Kekuatan itu diperkukuhkan lagi apabila sejak lebih 10 tahun lalu, Melaka telah diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia sejak **7 Julai 2008** oleh **World Heritage Committee** (UNESCO) di **Persidangan ke-32 di Quebec, Kanada**, Ia adalah suatu penghargaan terhadap usaha berterusan oleh Kerajaan negeri Melaka khususnya dalam mengekal dan memulihara bangunan serta warisan sejarah lebih 600 tahun dulu.

Bahkan, Melaka juga merupakan salah sebuah negeri yang diiktiraf oleh **Organization for Economic Cooperation & Development** (OECD) sebagai negeri maju selepas memenuhi lima aspek penting iaitu ekonomi, sosial, infrastruktur, alam sekitar dan pentadbiran.

4.6 War cry yang dicadangkan mengikut kesesuaian:

4.6.1 War cry pendek

Pemimpin Negeri melaungkan: **Melakaku!**

Rakyat menjawab: **Maju Jaya!**

4.6.2 War cry panjang

Pemimpin Negeri melaungkan: **Melakaku!**

Rakyat menjawab: **Maju Jaya!**

Pemimpin Negeri melaungkan: **Rakyat!**

Rakyat menjawab: **Bahagia!**

Pemimpin Negeri melaungkan: **Menggamit!**

Rakyat menjawab: **Dunia!**

5.0 Cadangan Alternatif Slogan Baharu

5.1 Beberapa cadangan alternatif bagi slogan baharu negeri Melaka selain daripada cadangandi atas.

5.2 “**Melaka Hebat, Rakyat Sepakat, Negeri Berkat**”

5.3 “**Melaka Sepakat, Mendahulu Rakyat, Maju/Makmur Berkat**”

6.0 Penutup

Semoga negeri Melaka akan terus berkembang maju jaya, makmur sentiasa, rakyatnya sejahtera dan sentosa, mengecapi bahagia, sekaligus menggamit dunia, untuk datang sebagai pelancong waima pelabur sambil menikmati keindahan panorama dan kehidupan selesa, di bawah pimpinan YAB Ketua Menteri, Datuk Sulaiman bin Md Ali,

yang membawa panji Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka. Demi rakyat, demi negara dan negeri, kami komited dengan cita-cita ini!

**Kesidang baunya harum bawa nostalgia
Di majlis kurnia bonda taburkan
Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia Kita Zahirkan.**

Disediakan oleh:

Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif,
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Tun Perak Melaka
Penasihat (Polisi & Inovasi) kepada YAB Ketua Menteri Melaka